



Terma & Syarat Menjadi Ahli VRS (KONTRAK JUALAN)

Dengan menandatangani borang perjanjian kontrak jualan ini, saya bersetuju dengan terma-terma dan syarat-syarat ("Terma Dan Syarat") berikut:

1. Saya merupakan Pengedar Bebas (Independent Distributor) bagi syarikat VRS Uni Triangle Sdn Bhd.
2. Saya telah meneliti dan memahami Pelan Komisen Dan Pemasaran VRS ("Pelan") sebelum menandatangani borang keahlian VRS dan Terma dan Syarat ini. VRS tidak akan bertanggungjawab untuk sebarang kehilangan komisen, bonus atau sebarang bayaran lain atas sebab kesilapan atau kelewatan menerima perjanjian, pesanan dan maklumat berkaitan atau disebabkan oleh pelanggaran sebarang perjanjian termasuk perjanjian dengan pemilik produk perolehan oleh saya.
3. Saya adalah tertakluk kepada terma-terma dan syarat-syarat yang dikenakan oleh pemilik produk perolehan sepertimana yang dinyatakan di dalam borang-borang mereka, yang mana ianya telah saya teliti dan fahami ketika menandatangani. VRS bukanlah pihak yang berkontrak untuk perkara tersebut.
4. Terma Dan Syarat VRS ini adalah berkuatkuasa untuk tempoh 1 tahun ("Tempoh Perjanjian") berkuatkuasa dari tarikh borang keahlian ditandatangani dan akan diperbaharui secara automatik dengan bayaran yang telah ditetapkan syarikat setiap tahun kecuali ianya ditamatkan oleh VRS atau saya melalui notis bertulis yang berkuatkuasa selama 30 hari sebelum tarikh tamat Tempoh Perjanjian.
5. Saya dengan ini memberi kebenaran kepada VRS untuk mengumpulkan dan menggunakan data peribadi saya bagi tujuan Pelan tersebut termasuklah memberikan akses maklumat tersebut kepada pihak ketiga yang terlibat dalam Pelan tersebut seperti pemilik produk perolehan yang kontrak dengannya telah saya tandatangi atau sebaliknya. Saya bersetuju bahawa maklumat yang telah saya berikan kepada VRS adalah benar dan tepat. VRS akan menggunakan usaha yang munasabah untuk memastikan data dan maklumat peribadi tersebut selamat dan mematuhi undang-undang yang berkaitan.



6. Saya memberi kebenaran kepada VRS untuk menggunakan serta mengumumkan dalam apa bentuk media sekalipun nama, gambar, bayaran yang saya terima, penghargaan atau anugerah yang diberikan kepada saya atau sebarang maklumat yang biasa diumumkan berkaitan eksekutif pemasaran.
7. Pihak syarikat berhak mengambil tindakan undang-undang (tegas) kepada saya sekiranya saya didapati menyebarkan sebarang penyebaran berita palsu yang melibatkan nama syarikat samada penyebaran dalam apa bentuk media termasuklah secara media cetak, media elektronik mahupun media sosial.
8. VRS mempunyai hak untuk meminda mana-mana bahagian Pelan dan/atau Terma Dan Syarat ini dari masa ke semasa sepertimana akan diumumkan di tapak sesawang (website) VRS. Dengan terus berhubung dengan VRS, menerima sebarang bayaran termasuk komisen dan bonus dari VRS atau dengan terus menggunakan perkhidmatan VRS dan terus menjadi ahli VRS, saya bersetuju atas pindaan tersebut. Remedi tunggal yang ada sekiranya saya tidak bersetuju dengan pindaan ke atas Terma Dan Syarat VRS ini adalah dengan menamatkan Pelan dan Keahlian melalui notis berkuatkuasa selama 30 hari tanpa sebarang pampasan.
9. Saya bersetuju untuk memberi indemniti, membela dan memberi pelepasan kepada VRS, pemegang sahamnya, pengawainya ataupun pekerjanya dari sebarang tuntutan atau liabiliti yang disebabkan oleh cara saya mengendalikan promosi Pelan tersebut. VRS tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang kerugian turutan, khas atau teladan.

Polisi Penarikan Diri dari Menjadi Ahli VRS

1. Ahli yang mahu menarik diri (penamatan keahlian dengan Syarikat) dalam Tempoh Perjanjian, perlu memberi notis bertulis mengenai hasrat menarik diri dari menjadi Ahli VRS dan notis tersebut perlulah di hantar ke alamat email syarikat.
2. Untuk tujuan tersebut, ahli berkenaan perlu mengisi Borang Penarikan Diri Dari Keahlian VRS (Borang AFL2) terutamanya mengisi Bahagian Perakuan seperti yang terkandung di dalam borang AFL2 tersebut.
3. Tuntutan boleh dibuat sekiranya Penarikan diri berlaku dalam tempoh 14 hari pertama selepas tarikh pendaftaran keahlian dengan syarikat. Jika sekiranya



penarikan diri dibuat selepas 14 hari pertama tersebut, syarikat berhak menolak sebarang tuntutan.

4. Sebarang jenis tuntutan **pembelian balik bagi produk** bagi menarik diri ini tertakluk kepada Polisi Beli Balik (Rujuk Polisi Beli Balik Syarikat di laman FAQ dalam sistem).